

# Makin ramai hidap penyakit buah pinggang pada 2040

**PUTRAJAYA** – Jumlah pesakit buah pinggang di Malaysia dijangka mencecah 106,000 orang menjelang 2040.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lebih membimbangkan 30 peratus pesakit dialisis tersebut adalah golongan muda.

“Sehingga hari ini terdapat lebih 40,000 pesakit buah pinggang. Kajian mendapati seramai 8,000 pesakit baharu disahkan pada 2018 dan ia semakin meningkat.

“Sekiranya berterusan, jumlah pesakit yang memerlukan dialisis dianggarkan mencapai 106,000

menjelang tahun 2040,” katanya merasmikan Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan 2021 di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, Perkhidmatan Nefrologi Kementerian Kesihatan, Persatuan Nefrologi Malaysia dan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan ma-

laysia akan mengadakan pelbagai acara untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pencegahan awal penyakit buah pinggang.

Menurut Noor Hisham, pihaknya sentiasa komited mempergiatkan aktiviti kesedaran awam dan kepentingan menga-

malkan cara hidup sihat.

Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia di negara ini disambut sejak 2006 pada hari Khamis minggu kedua pada bulan Mac setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung kesedaran penyakit buah pinggang.